



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR

3 February 2016

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	PKNS buka tender projek rumah mampu milik
Muka Surat	:	6

# PKNS buka tender projek rumah mampu milik

**Perbadanan** Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) membuka tender kepada kontraktor siap guna untuk membida projek pembangunan perumahan mampu miliknya sebagai langkah untuk menangani aliran tunai dan pinjamannya.

Pengurus Besarinya Azlan Md Alifiah berkata pelaksanaan 'Permintaan Untuk Cadangan' (RFP) itu dijangkakan pada Jun ini bagi 7,500 unit rumah mampu milik 'Rumah Selangorku' yang akan dibina dalam tempoh lima hingga lapan tahun.

"Kontraktor siap guna bukan sahaja akan membina rumah tetapi juga berupaya untuk membiayai projek itu. Dengan cara ini, kami tidak perlu memperlakan operasi walaupun situasi ekonomi yang mencabar sekarang.

"Kami juga boleh mengoptimumkan kos, menghadkan liabiliti dan menggunakan sumber kami berbanding skim kontrak konvensional," katanya di Shah Alam semalam.

Azlan berkata, jumlah nilai pembangunan kasar bagi 7,500 unit rumah itu dianggarkan RM13.5 bilion, yang mana antara RM500 juta dan RM600 juta akan diberikan subsidi oleh PKNS.

### **Pembeli dapat manfaat**

Beliau berkata, baki 2,500 unit rumah mampu milik akan dibina menerusi kaedah konvensional, kerana ia perlu memastikan kontraktor Bumiputera boleh juga menyertai projek itu.

Sejak 2012, kira-kira 1,600 pembeli mendapat manfaat daripada skim rumah mampu milik di Selangor, dengan harga

bermula daripada RM42,000 bagi rumah dengan keluasan 700 kaki persegi dan sehingga RM250,000 bagi unit dengan keluasan 1,000 kaki persegi.

**" Kami juga boleh mengoptimumkan kos, menghadkan liabiliti dan menggunakan sumber kami berbanding skim kontrak konvensional"**

**Azlan Md Alifiah,**  
 Pengurus Besar Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor

"Memandangkan data itu dari segi permintaan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor, kami lebih menumpukan kepada jenis C dan D, yang masing-masing berharga dalam lingkungan RM150,000 dan RM250,000.

"Bagaimanapun, kami akan masih memperuntukkan kira-kira 10 peratus bagi A dan B (700-750 kaki persegi) bagi memenuhi permintaan daripada pemohon yang layak bergantung kepada lokasi projek tersebut," katanya.

Dari segi membantu pembeli berpotensi untuk memiliki rumah sendiri, Azlan berkata, kerajaan negeri memperuntukkan RM20 juta untuk membantu mereka dengan deposit awal sebanyak 10 peratus dan RM10 juta lagi bagi skim sewadan-milik.

Bagi tahun ini, sejumlah 431 rumah mampu milik bernilai RM75 juta dijangka siap, yang terletak di Kota Puteri, Gombak (198 unit), U12 Desa Alam, Petaling (104 unit) dan Antara Gapi, Hulu Selangor (129 unit).

**BERNAMA**